

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (83)

6 Julai 2022
6 Zulhijjah 1443H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 23/2022

PENAMBAHBAIKAN PERATURAN PENGESAHAN SIJIL SAKIT SWASTA YANG MELEBIHI 15 HARI BAGI RAWATAN PESAKIT LUAR OLEH PEGAWAI PERUBATAN KERAJAAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.1/2022 bertarikh 21 April 2022 dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 5/2022 bertarikh 18 Mac 2022 bersetuju menggunakan surat edaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam, rujukan JPA.SARAAN (S) 43/34 Jld. 3 (24) berkenaan Penambahbaikan Peraturan Pengesahan Sijil Sakit Swasta yang Melebihi 15 Hari bagi Rawatan Pesakit Luar oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

2. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.5.4.5 (Peraturan Berkaitan Penerimaan Cuti Sakit Swasta Untuk Tujuan Kemudahan Cuti Sakit) sedia ada memperuntukkan bahawa Ketua Jabatan boleh menerima sijil sakit swasta tanpa tandatangan timbal oleh Pegawai Perubatan Kerajaan sekiranya:

- i. berjumlah tidak melebihi 15 hari dalam suatu tahun kalendar bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai pesakit luar di hospital/ klinik swasta;
- ii. berjumlah tidak melebihi 180 hari dalam suatu tahun kalendar bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai pesakit dalam di hospital/ klinik swasta; dan
- iii. jumlah Cuti Sakit sama ada berasaskan sijil sakit swasta atau sijil sakit Kerajaan adalah tidak melebihi 180 hari dalam suatu tahun kalendar, di mana 90 hari pertama boleh diluluskan oleh Ketua Jabatan dan 90 hari seterusnya hendaklah diluluskan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.

3. Sehubungan dengan itu, penambahbaikan Peraturan Pengesahan Sijil Cuti Sakit Swasta seperti di pindaan cerai dan cerai baharu di atas adalah berkuatkuasa mulai **18 Februari 2022**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

**PERATURAN BERKAITAN PENERIMAAN CUTI SAKIT SWASTA
UNTUK TUJUAN KEMUDAHAN CUTI SAKIT**

TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan menetapkan peraturan berkaitan penerimaan sijil sakit swasta untuk tujuan meluluskan kemudahan Cuti Sakit.

LATAR BELAKANG

2. Perintah Am 15 Bab C memperuntukkan bahawa Ketua Jabatan boleh menggunakan budi bicaranya untuk menerima sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta bagi tujuan meluluskan cuti sakit. Peraturan berkaitan penerimaan sijil sakit swasta tersebut telah diperjelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2006: Pindaan Peraturan Berkaitan Penerimaan Sijil Sakit Swasta Untuk Tujuan Meluluskan Kemudahan Cuti Sakit.

PELAKSANAAN

3. Kemudahan Cuti Sakit boleh diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - a) bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai **pesakit luar** di hospital atau klinik swasta, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta **tanpa tandatangan timbal** oleh Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima jika ia memberi jumlah Cuti Sakit yang **tidak melebihi 180 hari** dalam suatu tahun kalendar; atau
 - b) bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai **pesakit dalam** di hospital atau klinik swasta, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta **tanpa tandatangan timbal** oleh Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima jika ia memberi jumlah Cuti Sakit yang **tidak melebihi 180 hari** dalam suatu tahun kalendar; dan

- c) jumlah Cuti Sakit sama ada berasaskan sijil sakit swasta atau sijil sakit Kerajaan yang boleh diberikan adalah **tidak melebihi 180 hari** dalam suatu tahun kalendar, di mana 90 hari pertama boleh diluluskan oleh Ketua Jabatan dan 90 hari seterusnya hendaklah diluluskan oleh Ketua Setiausaha.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

4. Ketua Jabatan hendaklah merekodkan kelulusan Cuti Sakit dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Ceraian ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2006: Pindaan Peraturan Berkaitan Penerimaan Sijil Sakit Swasta Untuk Tujuan Meluluskan Kemudahan Cuti Sakit adalah **dibatalkan**.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA